



SUK.D200(06)600/9/Jld 16(05)

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 9 TAHUN 2020**

**PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF)
DI AGENSI KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 9 Tahun 2020 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.**

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Disember 2020.**
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web www.kelantan.gov.my.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, *D.P.S.K. (Kelantan)*
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
KOTA DARULNAIM

Bertarikh : 03 Rabiulakhir 1442H bersamaan
19 November 2020

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 9 TAHUN 2020

PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) DI AGENSI KERAJAAN NEGERI KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) bagi menggantikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di agensi Kerajaan Negeri dengan mengguna pakai **Pekeliling Perkhidmatan (*Persekutuan*) Bilangan 5 Tahun 2019 mengenai Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan.**

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Elemen fleksibiliti bagi waktu bekerja dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan telah dilaksanakan sejak tahun 1998 apabila Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB).
- 2.2 Manakala Kerajaan Negeri Kelantan telah mengguna pakai Penyeragaman Waktu Bekerja Berperingkat bagi Semua Jabatan Dan Agensi Kerajaan Negeri Kelantan mulai 1 Jun 2015 dengan menggunakan WP1, WP2 Dan WP3 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 6 Tahun 2015.
- 2.3 **Bagi pelaksanaan Penyeragaman Waktu Bekerja Berperingkat WP4 mengikut Pekeliling Perkhidmatan Persekutuan Bilangan 4 Tahun 2017 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018, Kerajaan Negeri Kelantan tidak mengguna pakai pekeling tersebut di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Kelantan.**

2.4 Kerajaan Negeri Kelantan juga telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 4 Tahun 2019 mengenai Penambahbaikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) Mengikut Peratusan Pegawai Dan Kakitangan Di Peringkat Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri Kelantan iaitu dengan membuat imbangan peratusan jumlah pegawai/kakitangan mengikut kategori perjawatan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana adalah seperti berikut:-

- a. **WBB1** (7:30 pagi hingga 4:30 petang) - **25 peratus**
- b. **WBB2** (8:00 pagi hingga 5:00 petang) - **50 peratus**
- c. **WBB3** (8:30 pagi hingga 5:30 petang) - **25 peratus**

3. WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF)

3.1 WBF adalah merupakan masa bekerja yang fleksibel di mana pegawai diberi fleksibiliti untuk hadir bekerja dalam tempoh waktu masuk dan waktu pulang yang ditetapkan, dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari. WBF diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan yang sebelum ini mengguna pakai WBB.

3.2 Dengan pelaksanaan WBF ini, waktu pejabat adalah bermula dari pukul 7:30 pagi hingga 5.30 petang kecuali pada hari Khamis iaitu bermula dari pukul 7:30 pagi hingga 4:00 petang. Hari dan tempoh waktu bekerja sehari adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Hari dan Tempoh Waktu Bekerja

Negeri	Hari	Waktu Masuk (Pagi)	Waktu Pulang (Petang)	Tempoh Waktu Bekerja Sehari
Kelantan	Ahad hingga Rabu	7.30 – 8.30	4.30 – 5.30	9 jam
	Khamis	7.30 – 8.30	3.00 – 4.00	7 jam 30 minit

Nota: Tempoh waktu bekerja pejabat biasa yang perlu dipatuhi adalah termasuk waktu rehat.

- 3.3 Bagi pejabat di Negeri **Kelantan** di mana hari Jumaat merupakan Hari Kelepasan Mingguan dan hari Sabtu merupakan Hari Rehat Mingguan, WBF ditetapkan seperti dalam **Jadual 2** di bawah:

Jadual 2: WBF di Kelantan

Negeri	Hari	Waktu Berkerja	Waktu Rehat
Kelantan	Ahad - Rabu	7.30 pg – 8.30 pg (Tempoh waktu masuk) Hingga 4.30 ptg – 5.30 ptg (Tempoh waktu pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	Ahad – Khamis 1.00 tgh – 2.00 ptg
	Khamis	7.30 pg – 8.30 pg (Tempoh waktu masuk) Hingga 3.00 ptg – 4.00 ptg (Tempoh waktu pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	

4. WBF BULAN RAMADAN

- 4.1 Selaras dengan pelaksanaan WBF ini, pelaksanaan Waktu Bekerja Bulan Ramadhan semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Kelantan ianya tertakluk kepada Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 7 Tahun 2016 yang berkuat kuasa mulai 1 Ramadhan 1437H bersamaan 6 Jun 2016.
- 4.2 Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Bulan Ramadhan adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3: WBF Bulan Ramadan di Kelantan

Negeri	Hari	Waktu Berkerja	Waktu Rehat
Kelantan	Ahad - Rabu	7.30 pg – 8.30 pg (Tempoh waktu masuk) Hingga 3.00 ptg – 4.30 ptg (Tempoh waktu pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	Ahad – Khamis (Tiada waktu rehat pada bulan Ramadhan kerana waktu pulang diawalkan 1 jam).
	Khamis	7.30 pg – 8.30 pg (Tempoh waktu masuk) Hingga 2.00 ptg – 3.00 ptg (Tempoh waktu pulang) (Dengan memenuhi tempoh waktu bekerja sehari)	

5. PELAKSANAAN WBF

- 5.1 Pelaksanaan WBF ini adalah berdasarkan prosedur dan syarat-syarat seperti berikut:
- 5.1.1 WBF terpakai kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan yang mengguna pakai WBB di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Kelantan;
 - 5.1.2 Pegawai boleh memulakan tugas pada bila-bila masa antara pukul 7.30 pagi hingga 8.30 pagi. Walau bagaimanapun bagi perkhidmatan tertentu seperti perkhidmatan kaunter, Ketua Jabatan boleh mengarahkan

pegawai untuk memulakan tugas pada sesuatu masa yang dikehendaki dalam tempoh masa tersebut dengan membuat imbangan peratusan jumlah pegawai/kakitangan seperti dalam Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 4 Tahun 2019.

- 5.1.3 WBF hendaklah dilaksanakan berdasarkan ketetapan di **Jadual 1** di atas. Contohnya pegawai yang memulakan tugas pada pukul 8.07 pagi boleh menamatkan tugas pada pukul 5.07 petang;
- 5.1.4 Pegawai yang diarahkan menjalankan kerja lebih masa, bayaran lebih masa boleh dibayar tertakluk kepada peraturan semasa berkaitan Bayaran Lebih Masa;
- 5.1.5 Pegawai yang dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar stesen dan kembali ke pejabat pada hari selesainya tugas rasmi tersebut, pegawai boleh pulang dari pejabatnya pada pukul 4.30 petang sekiranya pegawai memulakan tugas pada 7.30 pagi;
- 5.1.6 Sekiranya pegawai dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar pejabat (dalam stesen), pegawai boleh pulang dari pejabatnya mengikut ketetapan berikut:
 - (a) Sekiranya pegawai mengetik kehadiran masuk mengikut waktu masuk WBF, pegawai boleh pulang mengikut waktu pulang WBF dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari;
 - (b) Sekiranya pegawai tidak mengetik kehadiran masuk, pegawai boleh pulang berdasarkan waktu tugas rasmi bermula seperti berikut:
 - (i) Jika tugas rasmi bermula sebelum pukul 7.30 pagi, waktu pulang pegawai adalah pukul 4.30 petang;
 - (ii) Jika tugas rasmi bermula di antara pukul 7.30 pagi hingga 8.30 pagi, waktu pulang pegawai adalah antara pukul 4.30 petang hingga 5.30 petang dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari; atau

- (iii) Jika tugas rasmi bermula selepas pukul 8.30 pagi, waktu pulang pegawai adalah pukul 5.30 petang.

- 5.2 Pelaksanaan peraturan mengenai kebenaran untuk meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja menurut Perintah Am 5 Bab G Tahun 1974 dan Surat Edaran JPA(SARAAN)(S)1619 Klt. 16 (7) bertarikh 9 Disember 2009, adalah dilaksanakan seperti berikut:
 - (a) Sekiranya pegawai mengetik kehadiran masuk pejabat di antara pukul 7.30 pagi hingga 8.30, kebenaran pelepasan bermula mengikut tempoh pelepasan yang dimohon oleh pegawai; atau
 - (b) Sekiranya pegawai tidak mengetik kehadiran masuk pejabat di antara pukul 7.30 pagi hingga 8.30 pagi, kebenaran pelepasan dikira bermula pukul 8.31 pagi.
- 5.3 Pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam kepada pegawai wanita mengandungi seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 adalah terpakai dalam pelaksanaan WBF ini.

6. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 6.1 WBF hendaklah dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi waktu bekerja selain daripada WBF, waktu bekerja adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan semasa yang telah diperuntukkan kepada Ketua Jabatan.
- 6.2 Ketua Jabatan, atas kepentingan perkhidmatan boleh mengarahkan mana-mana pegawai untuk hadir ke pejabat pada masa yang dikehendaki dalam tempoh waktu masuk.
- 6.3 Ketua jabatan adalah bertanggungjawab memantau waktu bekerja pegawai dengan memastikan prosedur dan syarat yang ditetapkan dipatuhi oleh semua pegawai di kementerian/jabatan/agensi masing-masing.

- 6.4 Jabatan dan Agensi yang mempunyai perkhidmatan kaunter, Ketua Jabatan hendaklah memastikan perkhidmatan kaunter tersebut tidak terjejas dengan pelaksanaan WBF.
- 6.5 Perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan, Ketua Jabatan boleh membuat penyesuaian kepada waktu rehat pegawai dengan syarat masa rehat pegawai diganti pada hari yang sama.

7. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini berkuatkuasa mulai **1 Disember 2020**.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"



DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN TENGKU JAAFAR, D.P.S.K(Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)


**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

No. Rujukan : SUK.D200(06)600/9/Jld 16(05)

Bertarikh : 03 Rabiulakhir 1442H / 19 November 2020

BERKUAT KUASA

mulai pada
1 Disember 2020



Terpakai kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang sebelum ini mengguna pakai waktu bekerja berperingkat (WBB)

WBF BULAN RAMADHAN

- Tiada Waktu rehat
- Waktu pulang diawalkan 1 jam

	MASUK	KELUAR	TEMPOH WAKTU BEKERJA
AHAD hingga RABU	7.30 am hingga 8.30 am	4.30 pm hingga 5.30 pm	9 JAM
KHAMIS	7.30 am hingga 8.30 am	3.00 pm hingga 4.00 pm	7 ³⁰ JAM

Pelaksanaan pekeliing turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing.



WAKTU BEKERJA FLEKSI WBF

DI AGENSI KERAJAAN NEGERI KELANTAN




Pekeliing Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2019



Pegawai **BOLEH** mengetik kehadiran pada bila-bila masa antara **7.30pagi - 8.30pagi**

LEBIH dikira **LEWAT**



Perkiraan BLM bagi **kerja lebih masa**, adalah selepas masa, adalah selepas masa, mencukupkan tempoh waktu bekerja sehari (**9 jam**)



Waktu rehat adalah seperti dalam

Pek Perkh Neg 6/2015



Pelaksanaan kebenaran **pulang awal** sejam kepada wanita mengandung dan suami (PP11/2017) adalah **terpakai**
Pek Perkh Neg 4/2018

Ketua Jabatan boleh mengarahkan mana-mana pegawai untuk **hadir ke pejabat pada masa-masa yang ditetapkan.**



Ketua Jabatan hendaklah memastikan perkhidmatan kerajaan seperti perkhidmatan kaunter tidak terjejas.